

**Akaun Simpanan Tetap Mata Wang Asing**

**Nama Produk: Akaun Simpanan Tetap Mata Wang Asing OCBC**

**Apakah Akaun Simpanan Tetap Mata Wang Asing OCBC?**

Akaun yang membolehkan pelanggan melabur dana mata wang asing mereka dan memperolehi faedah ke atas jangka masa yang ditentukan terlebih dahulu.

1

Kelayakan																			
<b>Umur</b>	Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas (untuk akaun perseorangan atau bersama).																		
<b>Warganegara</b>	Dibuka untuk Warga Malaysia, Pemastautin Tetap dan Bukan Pemastautin (tertakluk kepada negara asal). <i>Nota: Seorang individu pemastautin boleh membuka :</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>• akaun nama perseorangan atau;</li> <li>• akaun bersama dengan individu bukan pemastautin yang merupakan ahli keluarga terdekat. <ul style="list-style-type: none"> <li>○ " Ahli keluarga terdekat " berhubung dengan individu bermakna isteri beliau , ibu bapa, anak-anak atau adik-beradik.</li> </ul> </li> </ul>																		
<b>Dokumen yang Diperlukan</b>	Kad Pengenalan atau Pasport																		
<b>Mata Wang yang Boleh Didapati</b>	GBP, SGD, USD, AUD, CAD, EUR, NZD, JPY and CNY.																		
<b>Simpanan Permulaan Minimum</b>	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tbody> <tr> <td><b>Pound Sterling</b></td> <td><b>GBP 5,000</b></td> </tr> <tr> <td><b>Dolar Singapura</b></td> <td><b>SGD 10,000</b></td> </tr> <tr> <td><b>Dolar Amerika</b></td> <td><b>USD 10,000</b></td> </tr> <tr> <td><b>Dolar Australia</b></td> <td><b>AUD 10,000</b></td> </tr> <tr> <td><b>Dolar Kanada</b></td> <td><b>CAD 10,000</b></td> </tr> <tr> <td><b>Dolar Euro</b></td> <td><b>EUR 10,000</b></td> </tr> <tr> <td><b>Dolar New Zealand</b></td> <td><b>NZD 10,000</b></td> </tr> <tr> <td><b>Yen Jepun</b></td> <td><b>JPY 1,000,000</b></td> </tr> <tr> <td><b>Yuan</b></td> <td><b>CNY 10,000</b></td> </tr> </tbody> </table>	<b>Pound Sterling</b>	<b>GBP 5,000</b>	<b>Dolar Singapura</b>	<b>SGD 10,000</b>	<b>Dolar Amerika</b>	<b>USD 10,000</b>	<b>Dolar Australia</b>	<b>AUD 10,000</b>	<b>Dolar Kanada</b>	<b>CAD 10,000</b>	<b>Dolar Euro</b>	<b>EUR 10,000</b>	<b>Dolar New Zealand</b>	<b>NZD 10,000</b>	<b>Yen Jepun</b>	<b>JPY 1,000,000</b>	<b>Yuan</b>	<b>CNY 10,000</b>
<b>Pound Sterling</b>	<b>GBP 5,000</b>																		
<b>Dolar Singapura</b>	<b>SGD 10,000</b>																		
<b>Dolar Amerika</b>	<b>USD 10,000</b>																		
<b>Dolar Australia</b>	<b>AUD 10,000</b>																		
<b>Dolar Kanada</b>	<b>CAD 10,000</b>																		
<b>Dolar Euro</b>	<b>EUR 10,000</b>																		
<b>Dolar New Zealand</b>	<b>NZD 10,000</b>																		
<b>Yen Jepun</b>	<b>JPY 1,000,000</b>																		
<b>Yuan</b>	<b>CNY 10,000</b>																		
<b>Baki Minimum untuk Mengekalkan Akaun</b>	Pelanggan mestilah mengekalkan jumlah peletakan Simpanan Tetap untuk terus menikmati kadar faedah. Penarikan peletakan Simpanan Tetap sebelum tempoh matang akan dikenakan penalti.																		
<b>Notis Pertukaran Asing (FE Notices)</b>	<i>FE Notices</i> adalah satu set peraturan yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islamik 2013 untuk melindungi nilai mata wang Malaysia. Akaun Simpanan Tetap Mata Wang Asing dituntun oleh <i>FE Notices</i> . Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada <i>FE Notices</i> yang penuh dan terkini dalam laman web BNM mengenai Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing.																		
Kadar Faedah																			
<b>Pengiraan Faedah</b>	Faedah dikira secara harian dan akan dibayar semasa matang.																		
<b>Faedah Penalti ke atas Pengeluaran Simpanan Tetap Sebelum Tempoh Matang</b>	Tiada faedah akan dibayar bagi mana-mana pengeluaran/penarikan Akaun Simpanan Tetap Mata Wang Asing sebelum tempoh matang.																		
<b>Kadar Faedah</b>	Kadar faedah terkini boleh didapati di laman web OCBC Malaysia dan cawangan-cawangan OCBC Bank yang terdekat. OCBC Bank berhak untuk menukar kadar faedah dan jika berlaku, akan diumumkan di cawangan, di laman web OCBC Bank atau dalam media massa.																		

Ciri-ciri dan Manfaat					
<b>Pilihan Tempoh Simpanan yang Pelbagai</b>	Tempoh yang boleh didapati: 1 minggu, 2 minggu, 1 bulan, 2 bulan, 3 bulan, 6 bulan, 9 bulan dan 12 bulan. Untuk Yuan China hanya tempoh 1 bulan boleh didapati.				
<b>Pengeluaran Sebelum Matang</b>	Tiada faedah akan dibayar bagi mana-mana pengeluaran/penarikan Akaun Simpanan Tetap Mata Wang Asing sebelum tempoh matang.				
<b>Penyata Akaun</b>	Urus dana lebih mudah dengan menggunakan e-penyata (jika terdapat aktiviti untuk bulan tersebut) yang boleh didapatkan melalui OCBC Online Banking dan/atau dihantar ke alamat emel anda. Anda juga mempunyai pilihan untuk menerima salinan penyata yang dihantar kepada anda setiap bulan. Bagi setiap permohonan salinan penyata tambahan, caj sebanyak RM10.00 akan dikenakan.				
<b>Insurans Simpanan</b>	Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.  Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada risalah maklumat PIDM yang boleh didapati di kaunter kami atau layari laman web PIDM.				
<b>Pengendalian Akaun Dorman</b>	<p>Mana-mana Akaun Simpanan Tetap Mata Wang Asing atau akaun semasa yang tiada aktiviti selama 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir akan dikira sebagai akaun dorman di bawah Garis Panduan Rangkakerja Perkhidmatan Perbankan Asas oleh Bank Negara Malaysia.</p> <table border="1"> <tr> <td>Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00</td> <td>Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.</td> </tr> <tr> <td>Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00</td> <td>Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tak Dituntut".</td> </tr> </table> <p>Untuk mengaktifkan semula akaun dorman, anda perlu melakukan transaksi simpanan atau pengeluaran melalui kaunter di mana-mana cawangan OCBC Bank (Malaysia) Berhad atau OCBC Al-Amin Bank Berhad dengan sendiri.</p>	Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00	Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.	Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00	Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tak Dituntut".
Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00	Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.				
Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00	Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tak Dituntut".				
<b>Policy Wang yang Tak Dituntut</b>	<p>Penerimaan Akaun Simpanan Tetap Mata Wang Asing yang telah diperbaharui secara automatik selama lebih tujuh (7) tahun akan diklasifikasikan sebagai "Wang Yang Tak Dituntut" selaras dengan Akta Wang Tak Dituntut 1965.</p> <p><i>Nota: Laporan akan dikeluarkan setiap tahun pada 30 November dan 28 Februari yang menyenaraikan semua penerimaan Akaun Simpanan Tetap Mata Wang Asing terbabit yang telah diperbaharui lebih dari 6 tahun sebelum 28 Februari. Selain itu, peringatan juga akan dihantar kepada pelanggan.</i></p> <p><i>Kegagalan untuk bertindak ke atas peringatan dalam tempoh yang diberi akan menyebabkan Akaun Simpanan Tetap Mata Wang Asing diklasifikasikan sebagai "Tak Dituntut" pada tahun berikutnya.</i></p>				
<b>Pengendalian Akaun Bersama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Akaun bersama ("Akaun") boleh dibuka untuk 2 individu atau lebih yang berumur 18 tahun dan ke atas. Kad Pengenalan/ Pasport diperlukan dengan setiap permohonan.</li> <li>Pemegang-pemegang Akaun adalah layak secara bersama ke atas sebarang baki simpanan atau kredit yang terdapat dalam Akaun.</li> <li>Semua arahan berhubung dengan Akaun, termasuk tanpa had berkaitan dengan pengendalian dan penutupan Akaun atau penggantungan atau penamatan perkhidmatan, pertukaran alamat, pegangan surat atau butiran lain tentang pemegang-pemegang Akaun yang didaftar dengan Bank atau sebarang maklumat lain, akan diberikan secara bertulis (atau dengan cara lain yang dibenarkan oleh OCBC Bank) oleh semua pemegang Akaun bersama, kecuali diarahkan sebaliknya melalui surat oleh semua pemegang Akaun bersama.</li> <li>Semua pemegang Akaun bersama mestilah bertanggungjawab secara bersama ke atas semua transaksi yang terbit daripada sesuatu arahan.</li> </ul>				

<b>Pengendalian Akaun Bersama (sambungan)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jika OCBC Bank menerima arahan yang bercanggah, sama ada daripada atau bukan daripada orang(-orang) yang dibenarkan, OCBC Bank boleh memilih untuk bertindak atas mandat yang diberi oleh semua pemegang Akaun bersama.</li> <li>Sebaik sahaja menerima notis kematian bagi salah seorang pemegang Akaun, OCBC Bank layak untuk membayar baki simpanan atau kredit seperti sewajarnya, kepada pemegang yang tinggal dan jika lebih daripada seorang pemegang dalam nama bersama, asalkan sebelum pembayaran dibuat, OCBC Bank layak untuk menolak sebarang hutang ditanggung oleh pemegang-pemegang Akaun bersama di bawah mana-mana Akaun dengan OCBC Bank dan/atau dengan mana-mana syarikat dalam Kumpulan OCBC daripada baki simpanan atau kredit tersebut.</li> <li>OCBC Bank boleh membenarkan pemegang(-pemegang) Akaun yang masih ada untuk meneruskan operasi Akaun tertakluk kepada keperluan Terma dan Syarat dikenakan oleh OCBC Bank yang dipenuhi.</li> </ul>
<b>Maklumat Perhubungan</b>	
<b>OCBC Bank (Malaysia) Berhad</b>	<p>Untuk maklumat lanjut, pertanyaan atau maklum balas tentang produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Perhubungan kami atau layari laman web kami (sila rujuk Customer Service Hotlines &gt; Personal Banking di laman web OCBC Malaysia) atau kunjungi mana-mana cawangan OCBC Bank yang berhampiran anda.</p> <p>Anda juga boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk mengemaskini Maklumat Peribadi anda. Maklumat ini penting bagi kami dalam usaha untuk memberi anda perkhidmatan yang lebih baik. Sila maklum bahawa semua maklumat peribadi anda adalah sulit. Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, hantarkannya secara bertulis kepada alamat berikut (sila rujuk Help &amp; Support &gt; The Dispute Resolution Process di laman web OCBC Malaysia):</p> <p style="text-align: center;"><b>Service Transformation Department</b> OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Menara OCBC, 18 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur</p> <p>Atau, sekiranya anda ingin mendapatkan pandangan pihak berkuasa tentang cara kami mengendalikan aduan, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan boleh dihubungi atau emel (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Ombudsman for Financial Services); atau Bank Negara Malaysia (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia).</p>
<b>Bank Negara Malaysia</b>	<p>Untuk pertanyaan lanjut tentang Produk Kewangan, sila layari</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Laman web MyCoverage</li> </ul> <p>Anda juga boleh mengunjungi BNMLINK yang berhampiran atau hubungi BNMTLELINK (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia).</p>
<b>Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)</b>	<p>Hubungi talian hotline PIDM (boleh didapati dari Isnin hingga Jumaat mulai 8.30 pagi hingga 5.30 petang) atau emel kepada PIDM (sila rujuk Contact Us di laman web PIDM).</p>

Penafian: Lembaran Maklumat Produk ini adalah untuk tujuan maklumat semata-mata dan tidak mengandungi sebarang nasihat bagi mana-mana perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk tentang perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkara-perkara lain yang diberikan adalah seperti 'seadanya' dan 'boleh didapati' dan diberikan untuk maklumat dan rujukan anda sahaja. OCBC Bank tidak menjamin kebergunaan atau kecukupan maklumat yang diberikan dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang akibat yang timbul daripada mempercayai sebarang pendapat atau kenyataan yang terkandung di sini atau ke atas mana-mana pengeluarannya. Terma dan Syarat yang lebih terperinci bagi **Akaun Simpanan Tetap Mata Wang Asing OCBC** ini dinyatakan dalam Perkhidmatan dan Akaun Bank – Terma dan Syarat Utama dan Terma dan Syarat lain yang diguna pakai untuk produk ini (jika ada) yang boleh didapati di cawangan OCBC Bank dan di laman web OCBC Malaysia. Lembaran Maklumat Produk ini adalah sulit dan tidak boleh dikeluarkan semula (secara penuh atau sebahagian) kepada sesiapa sahaja tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada OCBC Bank terlebih dahulu. Simpanan Mata Wang Asing adalah tertakluk kepada perubahan kadar tukaran asing yang memberikan peluang dan juga risiko. Anda mungkin akan mengalami kerugian ke atas prinsipal apabila anda menukar mata wang asing kepada mata wang asas. Oleh itu, anda harus menentukan mana-mana mata wang asing yang sesuai bagi objektif dan situasi kewangan anda.